

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 NOVEMBER 2016

PM bertemu peneraju perniagaan Jepun

BH- 17/11/2016

→ Dua pihak bertukar pandangan rapatkan lagi hubungan dagang

Daripada A Jalil Hamid di Tokyo, Jepun
jalil@nstp.com.my

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan pertemuan dengan peneraju perniagaan Jepun yang terbabit dalam pelbagai industri, pada majlis makan tengah hari dianjurkan Hiroto Izumi, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe di Tokyo, semalam.

Pegawai rasmi kerajaan Malaysia berkata, sepanjang majlis berkenaan, mereka bertukar pandangan mengenai kaedah merapatkan hubungan perniagaan antara syarikat Malaysia dan Jepun

Antara yang hadir adalah pegawai tertinggi East Japan Railway Company (JR East) iaitu syarikat pengendali Shinkansen, kereta api berkelajuan tinggi di utara Tokyo.

Jepun ketika ini cuba mendapatkan perhatian kerajaan Malaysia dan Singapura untuk merebut peluang membangunkan Shinkansen bagi projek mega kereta api berkelajuan tinggi antara Kuala Lumpur-Singapura.

Najib yang dijadualkan bertemu dengan Abe petang semalam pada sidang kemuncak dua hala pada majlis sambutan rasmi negara itu, sekali gus mencerminkan kepada peneraju perniagaan bahawa Malaysia sentiasa melihat Jepun sebagai rakan perniagaan yang rapat.

Najib berkata, Malaysia mendapat manfaat dengan kehadiran Jepun di Malaysia dan rantau ini.

Tinjau peluang di Malaysia
Perdana Menteri meminta syarikat Jepun meninjau lebih peluang di Malaysia terutama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui teknologi hijau

dan teknologi termaju.

Bidang keutamaan, jelas beliau, termasuk pelaburan berterusan dalam infrastruktur dan tenaga kerja.

Bagaimanapun, Najib tidak menyatakan perincian berhubung projek kereta api berkelajuan tinggi.

Peneraju perniagaan yang menghadiri makan tengah hari itu adalah Pengerusi Mitsubishi Corp, Mikio Sasaki; Pengerusi Sumitomo Corp, Kazuo Omori; dan Presiden dan Ketua Eksekutif East Japan Railway Company, Tetsuro Tomita.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif Mitsui Co Ltd, Tatsuo Yasunaga; Pengerusi NEC Corp, Nobuhiro Endo; Pengerusi Tai-sei Construction, Takashi Yamachi; Ketua Eksekutif Japan Gas Co Ltd, Michiaki Hirose; Ketua Eksekutif Japan Petroleum Exploration Co Ltd, Hideichi Okada; dan Ketua Eksekutif IHI Corp, Tsugio Mitsuoka.